

Bahasa Melayu: ekonomi penting

27 JUN 1993

KUALA LUMPUR 26 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bahasa kebangsaan perlu diberi nilai ekonomi untuk meningkatkan keberkesanan penggunaannya di kalangan semua kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, cara ini adalah lebih berkesan daripada cara paksaan kerana masyarakat akan menggunakan bahasa kebangsaan jika ia digunakan dalam bidang ekonomi.

"Yang penting ialah kita mempunyai *common language* dan cara yang terbaik ialah dengan memberi nilai ekonomi kepada bahasa kebangsaan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-40 di Wisma MCA di sini, hari ini.

Sambil melahirkan rasa puas hatinya dengan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan kaum bukan Melayu di negara ini, Dr. Mahathir menegaskan adalah penting semua pihak faham bahasa tersebut supaya mereka mendapat faedah daripadanya.

"Jika 10 tahun lalu, Dr. Ling Liong Sik berucap dalam bahasa kebangsaan, mungkin tidak ramai yang bertepuk kerana mereka kurang faham. Tetapi hari ini

saya dapati ramai yang bertepuk kerana mereka faham bahasa kebangsaan," ujarnya merujuk kepada ucapan Presiden MCA itu yang mendapat tepukan daripada perwakilan di perhimpunan tersebut.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional, yakin dalam masa beberapa tahun lagi, semakin ramai kaum lain di negara ini yang faham dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan berharap menjelang tahun 2020 semua kaum boleh menguasainya dengan baik.

Beliau berkata, jika tahap penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan berbagai-bagai kaum di negara ini pada masa ini hendak dijadikan ukuran untuk mencapai matlamat menggunakan satu bahasa, mungkin matlamat ini masih belum tercapai.

Mengenai bahasa Inggeris pula, beliau menjelaskan, penggunaan bahasa tersebut adalah perlu untuk meningkatkan keupayaan rakyat negara ini dalam semua bidang.

Dr. Mahathir membrtitahu, kerajaan telah bersetuju memberi sokongan

■ Lihat muka 4

Nilai
— PM

SAMBUNGAN DARI MUKA SATU

27 JUN 1993

Bahasa Melayu: Nilai ekonomi penting — PM

termasuk kewangan kepada Projek Langkawi MCA yang matlamat meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan di kalangan murid-murid Cina dan India di luar bandar.

Katanya, bantuan seumpama itu tidak terhad kepada kaum Cina sahaja tetapi meliputi semua kaum di negara ini.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri juga berkata, jika ramai

orang kaya yang tahu berbahasa kebangsaan, tentu ramai yang ingin belajar menguasai bahasa tersebut.

"Sebaliknya, jika bahasa kebangsaan digunakan oleh golongan miskin sahaja, sukar bagi pihak lain untuk melapangkan masa menguasai bahasa itu," ujarnya.

Seramai 1,940 orang perwakilan menghadiri perhimpunan selama dua hari itu.